

Analisis Kontrastif Hubungan Kata Kerja Transitif dan Objek Dalam Bahasa Arab dan Bahasa Melayu
(Contrastive Analysis of The Relationship Between Transitive Verbs and Objects in Arabic and Malay Language)

Kamarul Shukri Mat Teh¹
Universiti Sultan Zainal Abidin

Abstrak

Pengetahuan dan pengalaman bahasa pertama sering digunakan oleh pelajar semasa mempelajari bahasa asing/kedua. Perbezaan dan persamaan kedua-dua bahasa ibunda dan sasaran memberi implikasi positif dan negatif terhadap pembelajaran bahasa asing/kedua. Artikel ini memerihalkan suatu analisis kontrastif terhadap hubungan kata kerja transitif dan objek dalam bahasa Arab dan Melayu. Struktur dan elemen bagi aspek tatabahasa dalam kedua-dua bahasa tersebut telah dikaji. Analisis kontrastif menunjukkan terdapat beberapa persamaan seperti kata kerja bahasa Arab dan Melayu boleh ditransitifkan melalui penambahan imbuhan; kata kerja transitif yang melampaui kepada dua objek dalam bahasa Arab dan Melayu memerlukan kepada objek tepat dan objek sipi; dan objek di dalam frasa kerja aktif asalnya terletak di akhir ayat. Antara perbezaan yang dikenal pasti adalah pentransitifan kata kerja bahasa Arab kebiasaannya menerima imbuhan awalan atau dalaman sedangkan kata kerja bahasa Melayu menerima imbuhan awalan sahaja, atau awalan dan akhiran sekali gus; kata kerja transitif bahasa Arab boleh melampaui kepada tiga objek dan ia tidak berlaku dalam bahasa Melayu; dan alamat i'rab dalam bahasa Arab memainkan peranan penting untuk membezakan objek daripada unsur-unsur bahasa yang lain, sedangkan penentuan objek dalam bahasa Melayu dibuat melalui makna perkamusan dan gaya bahasa. Hasil kajian telah membawa kepada implikasi pedagogikal seperti keperluan perkongsian maklumat analisis dengan pelajar, penyusunan bahan pengajaran, dan pengemaskinian kaedah pengajaran berdasarkan keputusan analisis.

Kata kunci: Analisis Kontrastif, Kata Kerja Transitif, Objek, Bahasa Arab, Bahasa Melayu

¹ Corresponding author: Kamarul Shukri Mat Teh, Universiti Sultan Zainal Abidin, e-mail: kamarul@unisza.edu.my

Abstract

Knowledge and experience in the first language are often used by students in learning foreign/second language. The differences and similarities of both native and target languages have resulted in positive and negative implications on learning a foreign/second language. This paper describes a contrastive analysis on the relationship between transitive verbs and objects in Arabic and Malay languages. The structure and element from the grammatical aspect in both languages have been studied. Contrastive analysis showed that there are several similarities such as the verbs for Arabic and Malay languages can be made transitive through the addition of prefixes and suffixes; transitive verbs that require two objects in Arabic and Malay languages need direct object and indirect object; and the object in the original active verb phrase is placed at the end of the sentence. Among the differences identified is that the transitivity of verbs in the Arabic language usually involves adding prefixes or infixes whereas for the verbs in Malay language it only involves adding the prefixes, or prefixes and suffixes at same time; transitive verbs in the Arabic language could require three objects and this does not happen in Malay language; the i'rab address (flexi) in Arabic language plays an important role in differentiating objects from elements of other languages, while determining objects in Malay language is done through the meaning of lexicography and language style. Findings of the study led to pedagogical implications such as the need for sharing of analysis information with students, compilation of teaching materials, and updating teaching methods based on analysis outcomes.

Keywords: Constrastive Analysis, Transitive Verbs, Objects, Arabic Language, Malay Language

PENDAHULUAN

Terdapat pelbagai pendekatan, kaedah dan teknik yang boleh digunakan dalam pengajaran bahasa. Setiap satunya mempunyai kekuatan dan kelemahan tersendiri. Oleh itu, pendekatan yang berbeza perlu digunakan bagi menghasilkan pelajar bahasa yang cemerlang dan efektif. Pendekatan yang baik kebiasaannya mengambil kira keadaan pelajar bahasa. Antaranya, pelajar kerap menggunakan pengetahuan dan pengalaman bahasa pertama mereka semasa mempelajari bahasa kedua atau asing. Kadangkala mereka melakukan kesilapan semasa mempelajari dan menggunakan bahasa kedua atau asing kerana perbezaan elemen dan struktur bahasa tersebut dengan bahasa ibunda mereka (Ellis, 2004: 295). Terdapat sesetengah pelajar bahasa yang tidak pasti sama ada mereka perlu melupakan terus sistem bahasa ibunda atau menggunakannya semasa mempelajari bahasa sasaran (Johnson, 2001, 61-65). Bagi menangani dan menggunakan senario ini secara positif,

metode kontrastif merupakan antara pendekatan pembelajaran bahasa yang boleh digunakan.

Dalam kajian bahasa, metode kontrastif (المنهج التقابلي) digunakan bagi mempelajari dan mengkaji dua bahasa yang berlainan seperti bahasa Melayu dan bahasa Arab, atau dua peringkat (mustawa) bahasa yang berbeza dalam satu bahasa seperti bahasa pasar ('amiyyah) dan bahasa baku (fushah) dalam bahasa Arab. Pendekatan tersebut lebih berkonsepkan ciri-ciri amali yang menitik beratkan tentang pembelajaran dan pengajaran sesuatu bahasa (Hisham al-Din, 1406H, 27). Metode ini sudah tentunya berbeza daripada metode komparatif (المنهج المقارن) yang hanya digunakan untuk menjalankan kajian terhadap dua bahasa atau lebih di mana bahasa-bahasa tersebut terletak di bawah satu keluarga bahasa yang sama. Seperti bahasa Arab, 'Ibriyah, Habsyi dan Aaramiyah yang terletak di bawah keluarga bahasa Saamiyah. Selain daripada itu, metode komparatif hanya mementingkan nilai-nilai sejarah yang lebih menjurus kepada penentuan dan pembahagian keluarga-keluarga bahasa di dunia (Hisham al-Din, 1406H: 25-26).

Metode kontrastif mula digunakan di bidang pendidikan bahasa secara meluas dengan terbitnya buku *Linguistic Across Culture* oleh Robert Lado pada tahun 1975. Beliau menjelaskan:

Individuals tend to transfer the form and meanings, and distribution of forms and meanings of their native language and culture to the foreign language and culture... both productively when attempting to speak tempting to grasp and understand the language and the culture as practiced by natives (Lado, 1957, 2).

Analisis kontrastif sering disebut sebagai bidang yang menggabungkan aspek psikologi dan linguistik (Ellis, 2004, 23, Saville-Troike, 2006, 34). Ia membincangkan tentang aspek-aspek bahasa (mewakili bidang linguistik tulen) untuk tujuan pembelajaran (mewakili bidang linguistik terapan). Keupayaan metode tersebut dalam menganalisis unsur-unsur bahasa berdasarkan ciri-ciri fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik yang terdapat dalam bahasa ibunda dan bahasa sasaran pelajar mampu memudahkan proses pembelajaran bahasa asing atau kedua. Analisis kontrastif bukan hanya sekadar tertumpu kepada pengumpulan ciri-ciri persamaan dan perbezaan di antara bahasa ibunda dan bahasa sasaran pelajar. Bahkan, ia juga mengumpul kesulitan-kesulitan yang bakal ditempuhi oleh seseorang pelajar dalam mempelajari bahasa asing atau kedua (al-Sayid Hijazi, 1985: 9-10; Akira, 1994: 19). Menjadi suatu kesilapan apabila kita hanya mengumpul data-data yang berkaitan dengan ciri-ciri persamaan dan perbezaan di antara dua

bahasa tanpa mencari kesulitan dan masalah yang timbul hasil daripada pembelajaran bahasa tersebut (Ahmad et al., 2012, 66-70).

Kelebihan metode tersebut tidak hanya terhad untuk para pelajar, bahkan ia juga banyak menolong para guru dalam mencorakkan kaedah pengajaran bahasa. Guru yang mampu membuat perbandingan bahasa asing/kedua dengan bahasa ibunda pelajar adalah lebih mengetahui masalah sebenar pembelajaran dan tahu kaedah pengajaran yang berkesan (Ellis, 2004, 23). Berdasarkan kesulitan-kesulitan yang dikenal pasti, guru bahasa akan cuba menyelesaikan masalah-masalah tersebut dengan menyediakan bahan-bahan pelajaran yang bersesuaian dengan latar belakang seseorang pelajar. Ia juga dapat membantu para guru dalam merencanakan satu program pembelajaran bahasa yang berkesan (al-'Uqail, 1990, 153; Hisham al-Din, 1407H, 4-5). Tegasnya, pendekatan kontrasitif amat mengambil berat tentang peranan "guru bahasa" dan "pelajar bahasa" dengan mengujudkan hubungan dua hala di antara mereka. Berdasarkan maklumat-maklumat yang diperoleh daripada analisis kontrasitif, guru dan pelajar sama-sama berkewajipan menyelesaikan kesulitan yang ada di dalam pembelajaran sesuatu bahasa (al-Sinniy & al-Amin, 1982, 6-7).

PEMBELAJARAN TATABAHASA DALAM KERANGKA ANALISIS KONTRASTIF

Pengajaran tatabahasa bukan sekadar menyuapkan istilah, definisi atau kaedahnya secara terperinci kepada para pelajar. Kebanyakan pelajar tidak mengetahui kesemua istilah, definisi atau elemen tatabahasa dalam bahasa ibunda mereka, bagaimana pula dengan mereka yang baru hendak mempelajari sesuatu bahasa asing/kedua. Justeru, metode kontrasitif melihat pembelajaran tatabahasa hendaklah lebih berfokus kepada frasa-frasa yang kerap digunakan (al-Sinniy & al-Amin, 1982, 33). Metode kontrasitif akan mengambil kira beberapa perkara semasa menganalisis elemen-elemen tatabahasa yang antaranya ialah (al-Sinniy & al-Amin, 1982, 40-42) :

- i. Perpindahan pengalaman bahasa. Para pelajar yang mempelajari bahasa Arab sebenarnya telah mempunyai satu himpunan pengalaman bahasa yang dapat membantu mereka mentafsirkan segala ransangan bahasa yang baru mereka terima dan seterusnya memberikan makna dan menyusun semula pengalaman mereka. Lantaran itu para pelajar akan memindahkan susunan gaya bahasa yang terdapat di dalam frasa bahasa Melayu kepada susunan gaya frasa bahasa Arab.
- ii. Ciri-ciri persamaan dan perbezaan. Ciri-ciri persamaan yang terdapat dalam bahasa Melayu dan bahasa Arab boleh membantu pelajar mengenali dan mempelajari tatabahasa Arab. Sebaliknya,

- ciri-ciri perbezaan yang terdapat dalam kedua-dua bahasa tersebut akan menimbulkan kesulitan kepada para pelajar dalam mempelajari bahasa Arab.
- iii. Perbezaan makna rangkai kata. Sesuatu makna tatabahasa (seperti sifat, si pelaku atau subjek) mungkin terdapat dalam kedua-dua bahasa ibunda dan sasaran. Namun, rangkai kata yang digunakan untuk memberi makna tatabahasa tersebut berkemungkinan datang dalam keadaan atau struktur berbeza. Umpamanya, mereka yang berbahasa Arab akan menghadapi kesulitan dalam memahami tentang penggunaan “perkataan berfungsi” (function word – الكلمة الوظيفية) ketika mempelajari bahasa Inggeris. Bahasa Inggeris menggunakan pelbagai perkataan berfungsi yang membawa erti مَنْ (siapa). Antaranya penggunaan perkataan “who” bagi si pelaku yang berakal sama ada dalam keadaan jamak atau mufrad; “whom” bagi objek yang berakal; dan “whose” bagi menunjukkan pemilikan.
 - iv. Susunan frasa. Kadangkala perbezaan susunan frasa bagi makna tatabahasa yang sama akan menimbulkan kekeliruan kepada pelajar. Contohnya, kedudukan “sifat” di dalam frasa bahasa Arab adalah datang selepas “mausuf” (yang disifatkan) seperti “ولد كبير”, sedangkan “sifat” dalam frasa bahasa Inggeris adalah terletak sebelum “mausuf” seperti “big boy”.

HUBUNGAN KATA KERJA TRANSITIF DAN OBJEK

Antara frasa bahasa yang kerap digunakan ialah frasa kerja yang terdiri daripada kata kerja transitif, si pelaku, dan objek. Penekanan kepada pemahaman makna-makna tatabahasa yang terdapat pada sesebuah ayat seperti makna dalam kata kerja transitif atau objek adalah sangat penting. Kemampuan pelajar dalam membina ayat-ayat berdasarkan kata kerja transitif dan objek sentiasa menjadi fokus dalam pembelajaran tatabahasa. Ia dapat dicapai sekiranya pelajar mampu memahami corak hubungan antara kata kerja transitif dengan objek. Pelajar mestilah mengetahui jenis dan bilangan objek yang diperlukan oleh kata kerja transitif. Bentuk penanda ragam transitif dan kesannya terhadap objek juga hendaklah difahami dengan baik.

Walau bagaimanapun, pengetahuan dan pengalaman bahasa ibunda pelajar sering dijangkakan akan mengganggu penguasaan tentang tajuk tersebut semasa mempelajari bahasa kedua atau asing. Umpamanya, pelajar Melayu berkemungkinan akan melakukan kesilapan semasa membina ayat menggunakan الفعل المتعدي dan المفعول به dalam bahasa Arab akibat perbezaan elemen dan struktur kata kerja transitif dan objek dalam bahasa Melayu. Ia akan menyebabkan pelajar mempunyai kefahaman yang salah

tentang struktur ayat yang melibatkan hubungan kata kerja transitif dengan objek dalam bahasa Arab. Senario sebegini boleh mengganggu proses pembelajaran dan penggunaan bahasa sasaran.

Justeru, kajian ini bertujuan untuk menjalankan analisis kontrasitif terhadap hubungan kata kerja transitif dan objek dalam bahasa Arab dan Melayu. Metode kontrasitif akan melihat persamaan elemen dan struktur kata kerja transitif dan objek dalam kedua-dua bahasa Arab dan Melayu bagi memudahkan pembelajaran. Kesukaran pembelajaran hasil perbezaan daripada kedua-dua bahasa tersebut pula akan dikenal pasti bagi mengatasi masalah yang timbul.

Analisis hubungan kata kerja transitif (الفعل المتعدي) dengan objek (المفعول به) ini akan melalui empat peringkat (Ellis, 2004, 25-26) :


- i. Memerihalkan sistem, struktur atau unsur kata kerja transitif, objek dan perkara berkaitan dengannya yang terdapat dalam bahasa Arab dan Melayu.
- ii. Memilih sistem atau unsur kata kerja transitif dan objek dalam bahasa Arab dan Melayu untuk dianalisis.
- iii. Membandingkan sistem, struktur atau unsur tatabahasa tersebut dengan cara memetakannya.
- iv. Membuat ramalan berdasarkan analisis untuk keperluan pengajaran bahasa sasaran.

PENGERTIAN KATA KERJA TRANSITIF DAN OBJEK

Dalam tatabahasa Arab, kata kerja transitif (الفعل المتعدي) ditakrifkan sebagai sesuatu (kata kerja) yang menyampaikan atau memberi kesan terhadap objek (مفعول به) tanpa menggunakan huruf jar (Ibn Aqil, 1995: 1: 533), contohnya: حفظ محمد الدرس (Muhammad menghafal pelajaran). Kata kerja transitif dalam bahasa Arab mempunyai dua alamat (Ibn Hisham, t.th: 1: 176-177):

- i. Kata kerja transitif berhubung dengan ganti nama ha' (هـ) yang kembali merujuk kepada selain daripada nama terbitan (المصدر) seperti: زيد ضربه عمر.
- ii. Kata nama penderita (اسم المفعول) sempurna adalah terbina daripada kata kerja transitif, seperti: مضروب.

Dalam bahasa Melayu pula kata kerja transitif didefinisikan sebagai kata kerja yang menerima penyambut sesudahnya yang disebut sebagai objek atau penderita (Nik Safiah et al., 1997, 90). Contohnya:



Objek atau penderita (مفعول به) ditakrifkan dalam bahasa Arab sebagai nama yang menunjukkan kepada sesuatu di mana perbuatan si pelaku (فاعل) berlaku kepadanya, dan bentuk kata kerja (فعل) sama sekali tidak akan berubah kerana objek tersebut (Ibn Aqil, 1995, 1: 533). Objek dalam bahasa Melayu pula boleh dikenali dengan keharusan perubahannya menjadi subjek (المبتدأ) di mana kata kerjanya menjadi pasif (مبني للمجهول) (Arbak, 1993, 62). Contohnya: Buku itu dibaca oleh Ali (ayat pasif). “Buku” sebagai objek atau penderita di dalam ayat ini telah menjadi subjek (المبتدأ) dan “dibaca oleh Ali” sebagai predikat (الخبر), manakala kata kerja “dibaca” pula adalah berbentuk pasif. Padahal, asal ayat tersebut berbunyi: Ali membaca buku itu (ayat aktif). “Ali” sebagai subjek serta si pelaku (الفاعل) dan “buku itu” sebagai objek (مفعول به) yang menjadi prediket.

OBJEK DALAM FRASA KERJA

Kebiasannya kata kerja transitif memerlukan satu objek bagi menyempurnakan makna ayat. Kadangkala dua objek dapat menyertai kata kerja transitif bagi membentuk frasa kata kerja transitif yang bertugas sebagai prediket dalam sesuatu ayat (Asraf, 1989: 197), di mana ia lebih dikenali sebagai kata kerja dwitransitif (Liaw & Abdullah, 1994, 58). Dalam bahasa Arab pula ia dikenali sebagai الفعل المتعدي إلى مفعولين (kata kerja yang melampaui kepada dua objek) (Ibn Aqil, 1995, 1: 464).

Objek dalam bahasa Arab

Objek dalam bahasa Arab adalah berbilang-bilang dengan berbezanya jenis kata kerja (al-Rajhi (a), 1984, 193; Ibn Hisham, 1994, 270). Di sana terdapat kata kerja yang memerlukan kepada satu objek, dua objek atau tiga objek. Oleh itu, kata kerja transitif dalam bahasa Arab boleh dibahagikan seperti berikut (Ibn Aqil, 1995, 1: 485-486):

1. Kata kerja yang menasabkan satu objek. Contohnya, firman Allah SWT:

وَوَرِثَ سُلَيْمٰنٌ دَاوٓدَ

Dan Sulaiman mewarisi (pangkat kenabian dan kerajaan) Daud
(al-Naml, 27: 16)

Kata kerja “mewarisi” di dalam ayat ini telah melampaui kepada satu objek iaitu “Daud”.

2. Kata kerja yang menasabkan dua objek. Ia terbahagi kepada dua:
- i. Sesuatu yang asalnya subjek (المبتدأ) dan prediket (الخبر).
 - a. Af'al zhan. Kata kerja yang membawa erti menyangka. Seperti : ظن - حسب - زعم. Contohnya firman Allah SWT:

إِنِّي لَأَظُنُّكَ يَمُوسَىٰ مَسْحُورًا

Sesungguhnya aku menyangkakan kamu wahai Musa, seorang yang terkena sihir.

(al-Isra', 17: 101)

“Kamu” di dalam ayat ini - yang asalnya adalah subjek - menjadi objek pertama atau tepat (المفعول الأول) bagi kata kerja “menyangkakan”. “Seorang yang kena sihir” - yang asalnya adalah prediket - menjadi objek kedua atau sipi (المفعول الثاني).

- b. Af'al yakin. Kata kerja yang menunjukkan yakin, seperti : رأى - علم - وجد - تعلم. Contohnya firman Allah SWT:

وَوَجَدَكَ ضَالًّا فَهَدَىٰ

Dan Dia mendapati kamu sebagai seorang yang terdici-cari (jalan yang benar), lalu Dia memberikan petunjuk.

(al-Dhuha, 93: 7)

“Kamu” - asalnya subjek - di dalam ayat di atas menjadi objek tepat bagi kata kerja “mendapati”, dan “seorang yang terdici-cari” - asalnya prediket - menjadi objek sipi baginya.

- c. Af'al tahwil. Kata kerja yang menunjukkan perubahan, seperti : جعل - صير - حول - اتخذ. Contohnya firman Allah SWT:

فَجَعَلْنَاهُ هَبَاءً مُّثْوَرًا

Lalu Kami menjadikan amalan itu debu yang berterbangan.

(al-Furqan, 25: 23)

“Amalan” di dalam ayat ini - yang asalnya adalah subjek - menjadi objek tepat kepada kata kerja “menjadikan”, dan

- ii. Kata kerja yang memerlukan dua objek. Frasa kerja yang dibentuk oleh kata kerja transitif sebagai intinya boleh mengandungi dua frasa nama yang menjadi objek kepada kata kerja itu. Objek-objek itu disebut sebagai objek tepat dan objek sipi. Objek tepat ialah objek yang menjadi penyambut secara langsung kepada kata kerja, sementara objek sipi pula tidak menjadi penyambut secara langsung kepada kata kerjanya (Nik Safiah et al., 1997, 371-372). Contohnya: Wanita itu membeli baju untuk anaknya. “Baju” adalah objek tepat bagi kata kerja “membeli” di dalam ayat yang berikut dan “anaknya” adalah objek sipi baginya.

Kebanyakan ahli tatabahasa Melayu mentakrifkan objek sipi sebagai objek yang tidak menjadi penyambut secara langsung kepada kata kerja (Nik Safiah et al., 1997, 372). Sebahagian ahli tatabahasa Melayu yang lain pula melihat objek sipi sebagai objek yang boleh dihubungi dengan kata penghubung (Zainal Abidin, 1965, 1: 122). Contohnya: Kakak menjahitkan adik baju. Menurut pendapat pertama, objek sipi di dalam ayat ini ialah “baju”. Pendapat kedua pula melihat “adik” sebagai objek sipi di dalam ayat tersebut. Ini disebabkan harusnya berhubung perkataan “adik” dengan kata penghubung seperti “untuk” iaitu: Kakak menjahitkan baju untuk adik.

Perkara ini juga terdapat di dalam bahasa Arab di mana ahli tatabahasa Arab seolah-olahnya menghimpunkan kedua-dua pendapat di atas menjadi satu. Iaitu objek sipi ialah objek yang tidak menjadi penyambut secara langsung di mana ia berkemungkinan saja terdiri daripada objek yang nyata (مفعول به صريح) dan objek tidak nyata (مفعول به غير صريح). Contoh objek yang nyata ialah seperti perkataan خليلاً (kekasih) di dalam firman Allah SWT:

وَأَخَذَ اللَّهُ إِبْرَاهِيمَ خَلِيلًا

Dan Allah telah menjadikan Ibrahim sebagai kekasihNya.

(al-Nisa', 4: 125)

Objek yang tidak nyata pula ialah objek yang kebiasaannya didatangi huruf jar. Ia boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian mengikut sebab keterangannya (Abu Aus, 1986: 467):

- i. Keterangan punca atau tempat. Contohnya firman Allah SWT:

قُلْ مَنْ يَرْزُقُكُمْ مِنْ السَّمَوَاتِ

Bertanyalah (wahai Muhammad kepada orang-orang mushrik):
siapakah yang memberi rezeki kepada kamu dari langit?

(Saba', 34: 24)

- ii. Keterangan cara. Contohnya firman Allah SWT:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ

Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (terhadap musuh) dan (merasai) kelaparan.

(al-Baqarah, 2: 155)

- iii. Keterangan tujuan atau harapan. Kata sendi namanya ialah demi, untuk dan bagi. Contohnya firman Allah SWT:

وَإِذْ فَارَقْنَاكُمْ الْبَحْرَ

(Kenangkanlah) ketika Kami belahkan laut untuk kamu lalu (kerana melarikan diri dari dari angkara Firaun).

(al-Baqarah, 2: 50)

- iv. Keterangan sebab. Partikel “ب” kebiasaannya digunakan bagi menunjukkan sebab terjadinya sesuatu perkerjaan atau perkara. Firman Allah SWT :

فَهَزَمُوهُمْ بِإِذْنِ اللَّهِ

Mereka dapat mengalahkan mereka (tentera Jalut) dengan izin Allah.

(al-Baqarah, 2: 251)

- v. Keterangan hal. Firman Allah SWT :

فَهَزَمُوهُمْ بِإِذْنِ اللَّهِ

Allah telah menghalau kembali (angkatan tentera) orang-orang yang kafir itu (ke tempat masing-masing) dalam keadaan geram marah (kerana gagal dan hampa).

(al-Ahzab, 33: 25)

PENTRANSITIFAN

Pentransitifan (التعدية) adalah satu kaedah untuk mengubah kata kerja intransitif kepada kata kerja transitif, atau dari kata kerja transitif kepada kata kerja dwitransitif. Dalam Bahasa Arab, perubahan kata kerja intransitif (الفعل اللازم) kepada kata kerja transitif (الفعل المتعدي) atau daripada kata kerja transitif kepada kata kerja dwitransitif (الفعل المتعدي إلى مفعولين) dapat dilakukan melalui beberapa cara. Antaranya (al-Rajhi (b), 1984, 30-40; al-Suyuthi, 1998, 3: 265-270):

- i. Penambahan huruf hamzah kepada kata kerja intransitif. Umpamanya perkataan asal bagi أجلس sebelum berlakunya

penambahan imbuhan awalan (السابق) adalah جلس (duduk) yang merupakan kata kerja intransitif. Setelah berlaku penambahan huruf hamzah maka ia bertukar menjadi kata kerja transitif. Contohnya: أَجَلَسْتُ مُحَمَّدًا عَلَى الْكُرْسِيِّ (saya mendudukkan Muhammad di atas kerusi).

Penambahan huruf hamzah tersebut boleh menyebabkan pentransitifan satu objek kepada dua objek. Contohnya: لَبَسَ الصَّبِيُّ سُرْوَالًا (budak itu memakai seluar), “seluar” merupakan objek bagi kata kerja transitif “memakai” (لَبَسَ). Apabila ia ditambah dengan hamzah, contohnya: أَلْبَسْتُهُ أُمَّي سُرْوَالًا (Emak memakaikannya seluar) maka kita mendapati “seluar” dan “budak” itu menjadi dua objek bagi kata kerja transitif “memakaikan” (أَلْبَسَ).

Ia juga boleh menyebabkan berlakunya pentransitifan dua objek kepada tiga objek. Contohnya: أَرَانِي الزَّمَانَ الْإِنْسَانَ زَائِلًا (Zaman memperlihatkan aku bahawa manusia itu adalah lemah) kita mendapati “aku”, “manusia” dan “lemah” merupakan tiga objek bagi kata kerja transitif “memperlihatkan” (أَرَانِي).

- ii. Penggandaan (التضعيف) huruf juga boleh mengubah fungsi sesuatu kata kerja. Umpamanya kata akar صَبَّرَ sebelum digandakan adalah صار (jadi) yang merupakan kata kerja transitif yang melampaui kepada satu maf'ul bih secara langsung. Contohnya: صار الخشب بابا (Kayu telah bertukar menjadi pintu). Apabila digandakan maka ia berubah menjadi kata kerja transitif yang melampaui kepada kepada dua objek (maf'ul bih). Contohnya: صَبَّرَ السَّبِيكَةَ سَوَارًا (Dia telah menukarkan sebungkah emas kepada seutas gelang).
- iii. Penambahan alif al-mufa'alah (المفاعلة). Umpamanya جالس kata akarnya yang asal sebelum dimasuki imbuhan dalaman (الداخل) adalah جلس (duduk), di mana ia merupakan kata kerja intransitif. Selepas penambahan alif al-mufa'alah maka ia menjadi kata kerja transitif. Contohnya: جالس زيد العلماء (Zaid telah duduk bersama 'ulama').
- iv. Perubahan pola فعل kepada استفعال juga turut mengubah kata kerja intransitif kepada kata kerja transitif. Contohnya: استحسنت زيدا (Saya memuji-muji Zaid).
- v. Al-Tadhmin al-nahwi (التضمين النحوي). Iaitu memasukkan makna kata kerja transitif (الفعل المتعدي) bagi membolehkannya melampaui kepada sesuatu objek. Contohnya, firman Allah SWT:

وَلَا تَعْرَمُوا عُقْدَةَ النَّكَاحِ حَتَّىٰ يَبْلُغَ الْكِتَابُ أَجَلَهُ.

Dan janganlah kamu berazam (berniat) untuk berakad nikah sebelum habis iddahnya.

(al-Baqarah, 2: 235)

Kata kerja *تعزموا* (berazam) adalah merupakan kata kerja intransitif yang dimasukkan kepadanya makna kata kerja transitif *تنووا* (berniat).

- vi. Dibuang huruf jar yang ada pada *أَنَّ* atau *أَنْ*. Contohnya, firman Allah SWT:

شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ

Allah bersaksi bahawasanya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia.

(Ali Imran, 3: 18)

Kata kerja *شهد* (bersaksi) asalnya tidak boleh menjadi transitif melainkan dengan huruf jar iaitu “ب” (dengan), tetapi ia boleh menjadi kata kerja transitif yang secara langsung melampaui objek apabila huruf jar yang ada sebelum *أَنَّ* (bahawasanya) dibuang.

Sesuatu kata kerja dalam bahasa Melayu boleh dijadikan kata kerja transitif dengan memberi imbuhan tertentu kepadanya. Imbuhan tersebut dinamakan dengan penanda ragam transitif (Liaw & Abdullah, 1994, 141-148; Nik Safiah et al., 1997, 143-145). Antara cara pentransitifan kata kerja dalam bahasa Melayu ialah:

- i. Penambahan awalan “meN”. Contohnya: Saya telah menjawab surat itu. Penambahan awalan “meN” kepada kata kerja “jawab” telah menjadikannya kata kerja transitif dengan satu objek.
- ii. Penambahan “meN...kan”. Contohnya: Pegawai itu telah mengabaikan tugasnya. Kemasukkan imbuhan “meN...kan” telah menjadikannya kata kerja “abai” sebagai kata kerja transitif satu objek. Kita juga mendapati bahawa penambahan imbuhan tersebut turut mengubah kata kerja transitif satu objek kepada dua objek. Contohnya: Kakak menjahitkan ibu sehelai baju.
- iii. Penambahan “meN...I”. Contohnya: Saya menaiki bas. Imbuhan tersebut telah menjadikan kata kerja “naik” sebagai kata kerja transitif dengan satu objek “bas”. Penambahan tersebut turut

menjadikan kata kerja transitif dengan satu objek kepada kata kerja transitif dengan dua objek, Contohnya: Pak Osman menghadiah Ahmad sebuah basikal. Objek tepat (pertama) di dalam contoh di atas ialah “Ahmad” dan objek sipi (kedua) ialah “basikal”. Namun begitu, kedudukan objek tepat dan sipi di atas boleh berubah dengan perubahan binaan ayat. Contohnya: Pak Osman menghadiahkan sebuah basikal kepada Ahmad. Melalui penambahan “meN...kan” di dalam ayat ini “basikal” telah menjadi objek tepat (pertama) dan “Ahmad” menjadi objek sipi (kedua).

- iv. Penambahan “me”. Contohnya: Saya menendang bola. Penambahan “me” menyebabkan “tendang” menjadi kata kerja transitif dengan satu objek iaitu “bola”.
- v. Penambahan “me...kan”. Contohnya: Dia menaikkan bendera. Imbuan “me...kan” menjadikan kata kerja “naik” sebagai kata kerja transitif dengan satu objek iaitu “bendera”.
- vi. Selain imbuan di atas, awalan “ter” juga boleh mentransitifkan kata kerja. Contohnya: Bayi itu terminum racun serangga. Imbuan “ter” menjadikan “minum” sebagai kata kerja transitif dengan satu objek iaitu “racun serangga”.

Berdasarkan huraian di atas, dapatlah dirumuskan kaedah pentransitifan kata kerja dan hubungannya dengan objek dalam bahasa Arab dan Melayu seperti yang ditunjukkan oleh Jadual 1 dan Jadual 2. Pentransitifan kata kerja bahasa Arab adalah berlaku dengan penambahan huruf di awal atau di tengah kata kerja, kemasukan makna kata kerja transitif, dan pembuangan huruf jar (lihat Jadual 1). Pentransitifan kata kerja bahasa Melayu pula adalah dengan penambahan imbuan awalan, atau awalan dan akhiran sekali gus (lihat Jadual 2).

Jadual 1 : Pentransitifan Kata Kerja Bahasa Arab

Penanda Ragam Transitif	Pola Kata Kerja Transitif	Satu Objek	Dua Objek	Tiga Objek
أ	أفعل	أجلس	أليس	أرى
التضعيف	فعل	—	صير	—
الألف	فاعل	جالس	—	—
است	استفعل	استحسن	—	—

التضمين النحوي	-	تعزم	-	-
حذف حرف الجر	-	شهد	-	-

Jadual 2 : Pentransitifan Kata Kerja Bahasa Melayu

Penanda Ragam Transitif	Satu Objek	Dua Objek
MeN.....	Menjawab	-
MeN.....kan	Mengabaikan	Menjahitkan
MeN....i	Menaiki	Menghadiahi
Me.....	Menendang	-
Me.....kan	Menaikkan	-
Ter.....	Terminum	-

PERBINCANGAN

Setelah meneliti kepada hubungan kata kerja transitif dengan objek dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu maka dapatlah kita melakukan analisis perbandingan berasaskan kepada manhaj taqabuli atau metode kontrastif. Secara umumnya di sana terdapat beberapa ciri-ciri persamaan dan perbezaan hubungan di antara kata kerja transitif dengan objek dalam bahasa Arab dan Melayu. Antara ciri-ciri persamaan yang dapat dikenal pasti ialah:

- i. Kata kerja di dalam bahasa Arab dan Melayu boleh ditransitifkan melalui penambahan imbuhan.
- ii. Kata kerja transitif yang melampaui kepada dua objek di dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu memerlukan kepada objek tepat dan objek sipi.
- iii. Perbezaan jenis kata kerja di dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu membawa kepada perbezaan jumlah objek yang diterima oleh sesuatu kata kerja. Terdapat kata kerja yang hanya menerima satu objek saja dan ada yang menerima dua objek.
- iv. Objek di dalam frasa kerja aktif asalnya terletak di akhir ayat.

Antara ciri-ciri perbezaan yang dapat dikenal pasti ialah:

- i. Pentransitifan kata kerja bahasa Arab kebiasaannya menerima imbuhan awalan (السابق) atau dalaman (الداخل), sedangkan kata kerja bahasa Melayu menerima imbuhan awalan sahaja, atau awalan dan akhiran sekaligus.

- ii. Kata kerja transitif bahasa Arab berkemungkinan saja memerlukan kepada tiga objek, sedangkan dalam bahasa Malaysia perkara ini tidak berlaku (iaitu hanya menerima dua objek sahaja).
- iii. Alamat i'rab (الإعراب) dalam bahasa Arab memainkan peranan penting untuk membezakan objek daripada unsur-unsur bahasa yang lain. Dalam bahasa Melayu pula tidak terdapat alamat i'rab, bahkan penentuan objek dibuat melalui makna perkamusan dan gaya bahasa (Contextual meaning).
- iv. Objek dalam bahasa Arab dari segi kedudukannya secara asas datang dalam tiga bentuk.

- i. Kata kerja transitif + si pelaku + objek = قرأ الطالب الكتاب
- ii. Kata kerja transitif + objek + si pelaku = ضربني زيد
- iii. Objek + kata kerja transitif + si pelaku = مَنْ قَابِلَتْ ؟

Objek dalam bahasa Melayu pula pada asasnya datang dalam satu bentuk sahaja.

- i. Si pelaku + kata kerja transitif + objek = *Emak memasak nasi.*
- v. Terdapat beberapa nama dalam bahasa Arab yang dianggap sebagai objek tetapi ia distatuskan sebagai si pelaku dalam bahasa Melayu. Contohnya:

نحنُ أتعِينَا / أُرهِقْنَا	-	Kami letih
أمكننا السفرُ	-	Kita boleh pergi
يَنْقُصْنَا شَيْءٌ	-	Kita kekurangan satu perkara

Ganti nama pertama (ضمير المتكلم) dalam ayat bahasa Arab di atas adalah dianggap sebagai objek sedangkan ia adalah si pelaku dalam ayat bahasa Melayu.

Sepertimana yang diketahui, kajian kontrastif (الدراسة التقابلية) bukan hanya sekadar melihat kepada ciri-ciri persamaan atau perbezaan yang terdapat dalam dua bahasa yang berbeza. Sebaliknya tujuan utama kajian tersebut adalah untuk mengumpul kesulitan, kesukaran dan masalah yang bakal ditempuhi oleh para pelajar bahasa kedua atau asing. Antara kesulitan dan permasalahan yang bakal ditempuhi oleh para pelajar yang berbahasa Melayu – sebagai bahasa ibunda – ketika mempelajari tentang kata kerja transitif dan objek bahasa Arab ialah:

Pertama : Kewujudan beberapa kata kerja transitif dalam bahasa Arab yang dikira sebagai kata kerja intransitif dalam bahasa Melayu yang akan menyebabkan para pelajar melakukan kesilapan ketika membina ayat. Contohnya: توفي (mati) dan استشهد (mati syahid) di dalam ayat توفي الله الشيخ dan استشهد الله الجندي. Si pelaku bagi kedua-dua kata kerja transitif aktif ini ialah Allah SWT. Padahal, kata kerja tersebut (dalam bahasa Melayu) tidak memerlukan objek. Contohnya: Orang tua itu telah mati - Tentera itu mati syahid, maka kita mendapati “mati” (توفي) dan “mati syahid” (استشهد) dalam bahasa Melayu adalah kata kerja intransitif.

Kedua : Terdapat kata kerja dalam bahasa Melayu (seperti: berjumpa - قابل) yang memerlukan kepada kata penghubung (seperti: dengan - مع) bagi melampaui kepada objek. Contohnya: saya berjumpa dengannya. Padahal kata kerja tersebut dalam bahasa Arab tidak memerlukan kepada kata penghubung (حرف الجر). Akibatnya para pelajar akan membawa masuk ciri-ciri ayat bahasa Melayu ke dalam pembinaan ayat bahasa Arab, lalu melakukan kesilapan tatabahasa. Contohnya mereka berkata قابلت معه sedangkan ayat yang betulnya ialah قابلته .

Para pelajar juga turut melakukan kesilapan dengan terdapatnya beberapa kata kerja dalam bahasa Arab (seperti: تحتوي - mengandungi) yang memerlukan kepada kata penghubung (seperti: على) untuk melampaui kepada objek. Sedangkan dalam bahasa Melayu, kata kerja tersebut tidak memerlukan kata penyambung. Seperti: Buku ini mengandungi sepuluh fasal. Lalu para pelajar melakukan kesilapan dengan berkata: هذا الكتاب يحتوي عشرة فصول sedangkan frasa yang betul ialah هذا الكتاب يحتوي على عشرة فصول .

Ketiga : Kewujudan beberapa objek dalam bahasa Arab yang dianggap sebagai si pelaku dalam bahasa Melayu menyebabkan pelajar melakukan kesilapan ketika bertutur, seperti berkata: نحن أتعبنّا \ أرهاقنا - نحن نمكّن - نحن ننقص شيئاً padahal ibarat yang betul ialah نحن أتعبنّا \ أرهاقنا - نحن ننقص شيئاً (kami letih) - (kita kekurangan satu perkara) - (kita boleh pergi) - أمكّننا السفر .

Keempat : Kewujudan alamat i'rab dalam bahasa Arab dengan menasabkan objek menerusi alamat fathah (baris atas), kasrah (baris bawah), ya' (ي) atau alif (ا) menimbulkan kesulitan kepada para pelajar Melayu, di mana mereka berkemungkinan berkata: قابل محمد مسلّم (dengan baris hadapan dan bukan baris atas) - قابلت - قابل محمد مسلمون - قابل محمد مسلّمان . Padahal frasa yang betul ialah قابل محمد مسلّمًا - قابل محمد مسلمين - قابلت أخاك . Kesilapan pelajar lebih mudah berlaku semasa membina ayat dengan menggunakan objek yang terdiri

daripada jama' al-muannath al-salim kerana ia dinasabkan menerusi alamat kasar. Pelajar mungkin berkata: قَابِلْتُ الْمَرَضَاتِ (dengan fathah iaitu alamat mansub, yang asal) sedangkan frasa yang betul ialah (dengan kasar) قَابِلْتُ الْمَرَضَاتِ .

Kelima: Keharusan mendahulukan objek ke atas si pelaku seperti: ضرب محمدًا زيدٌ mungkin akan menyebabkan kesilapfahaman pelajar Melayu semasa membezakan objek dan si pelaku. Pelajar akan menyangkakan “Muhammad” itu si pelaku dan “Zaid” itu objek, padahal objek dan si pelaku dikenali dalam bahasa Arab melalui alamat i'rab.

Hasil analisis kontrastif ini boleh dikongsikan dengan pelajar bahasa Arab melalui penerangan tentang persamaan dan perbezaan yang terdapat pada kata kerja transitif dan objek dalam bahasa Melayu dan Arab. Guru perlu mengetengahkan elemen dalam bahasa Melayu yang mungkin menimbulkan kesulitan dan kesilapan semasa mempelajari bahasa Arab. Pelajar perlu diberi cadangan penyelesaian bagi setiap kesulitan dan kesukaran yang bakal dihadapi. Mereka juga perlu diberikan latihan terutama tentang tajuk, struktur atau elemen bahasa Arab yang berbeza dengan bahasa Melayu (Tao, 2008, 62-74).

KESIMPULAN

Metode kontrastif boleh menjadi salah satu pendekatan berkesan dalam pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua/asing. Tambahan pula, sebaik-baik bahan pengajaran ialah bahan yang dihasilkan dari satu analisis ilmiah tentang bahasa sasaran yang dibandingkan dengan satu analisis setaraf tentang bahasa ibunda pelajar. Kajian kontrastif didapati sangat menekankan pengumpulan kesulitan-kesulitan pembelajaran sesuatu bahasa hasil daripada analisis ciri-ciri persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam kedua-dua bahasa tersebut. Sikap memadai dengan melihat ciri-ciri persamaan dan perbezaan tanpa membongkar kesulitan yang ada hanya mengakibatkan kajian tersebut lebih bersifat deskriptif (وصفي) yang tidak membawa pembelajaran bahasa ke mana-mana jua.

Keharusan pentransitifan kata kerja melalui penambahan imbuhan, penerimaan objek tepat dan sipi, serta kedudukan objek yang kebiasaannya berada di akhir ayat bahasa Arab dan Melayu amat membantu pelajar dan guru dalam pembelajaran bahasa Arab. Mereka boleh menggunakan maklumat ini bagi memudahkan pembelajaran tentang kata kerja transitif dan objek dalam bahasa Arab. Maklumat seumpama ini juga dapat mengubah sikap negatif pelajar apabila mereka melihat di sana terdapat unsur-unsur berasaskan maklumat bahasa ibunda yang boleh membantu mereka mempelajari bahasa Arab.

Ciri-ciri perbezaan seperti pentransitifan melalui penambahan imbuhan, penerimaan lebih daripada dua objek oleh kata kerja transitif Arab, dan sebagainya boleh menjadi panduan serta peringatan untuk pelajar semasa memahami dan membina ayat bahasa Arab. Pendedahan tentang kesulitan-kesulitan yang bakal ditempuhi akan menjadikan pelajar lebih bersedia dan bersemangat untuk mengharungi cabaran-cabaran dalam mempelajari bahasa. Kesulitan-kesulitan yang timbul hasil hubungan di antara kata kerja transitif dengan objek ini boleh diatasi dengan menyediakan latihan-latihan yang bersesuaian, ujian yang munasabah, bimbingan guru dalam menyelesaikan kesulitan, dan pembentukan kurikulum serta penyediaan bahan pelajaran yang mengambil kira hasil keputusan analisis kontrastif.

RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim.
- Abdullah Hassan. (1993). *Tatabahasa pedagogi bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Abu Aus Ibrahim. (1986). *Al-fi'il fi al-Quran al-Karim: Ta'diyatuhu wa luzumuhu*. Kuwait: As-Shamsan.
- Ahmad Moinezadeh; Salman Dezhara and Omid Rezaei. (2012). A contrastive study of L1 and L2 acquisition. *Theory and Practice in Language Studies*, 2(1): 66-70.
- Akira Nakagawa. (1994). Contrastive analysis: English and Japanese. Syntactic, semantic and grammatical differences. Unpublished MA Dissertation. Eastern Washington University.
- Al-'Uqail, Abdul Aziz Soleh. (1990). *Jumlah al-shilah fi al-Arabiyyah wa al-Injiliziyyah: Dirasah taqabuliyah*. Al-Riyadh: Dar al-'Ulum.
- Al-Rajhi, 'Abduh. (1984a). *Al-Tatbiq al-Nahwi*. Beirut: Dar al-Nahdhah al-'Arabiyyah.
- Al-Rajhi, 'Abduh. (1984b). *Al-Tatbiq al-Sharfi*. Beirut: Dar al-Nahdhah al-'Arabiyyah.
- Al-Sayyid Hijazi, Mustafa Hijazi. (1985). *Al-'Arabiyyah wa al-Hausa: Nazarath taqabuliyah*. Makkah al-Mukarramah: Jami'ah Umm al-Qura.
- Al-Sinniyy, Mahmud Ismail dan al-Amin, Ishaq Mohd. (1982). *Al-Taqabul al-lughawi wa tahlil al-'akhta'*. Al-Riyadh: Jami'ah al-Malik Su'ud.
- Al-Suyuthi, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman. (1998). *Ham'u al-hawami' fi sharh jam'al-jawami'*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Arbak Othman. (1981). *Tatabahasa bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Asraf. (1989). *Petunjuk bahasa Malaysia baku*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Ellis, Rod. (2004). *Understanding second language acquisition*. Oxford: Oxford University Press.

- Hisham al-Din, Karim. (1406H). *Muhadharat fi 'ilm al-lughah*. Makkah al-Mukarramah: Jami'ah Umm al-Qura.
- Hisham al-Din, Karim. (1407H). *Muhadharat fi al-taqabul al-lughawi*. Makkah al-Mukarramah: Jami'ah Umm al-Qura.
- Ibn 'Aqil, Baha' al-Din 'Abdullah. (1995). *Syarh Ibn Aqil*. Beirut: Al-Maktabah al-'Asriyyah.
- Ibn Hisham, 'Abdullah Jamal al-Din Yusuf. (1994). *Sharh qatr al-nada wabal al-shada*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Hisham, 'Abdullah Jamal al-Din Yusuf. (t.th.). *Audhah al-masalik ila alfiyyah Ibn Malik*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Johnson, Keith. (2001). *An introduction to foreign language learning and teaching*. Harlow: Pearson Education Ltd.
- Lado, Robert. (1957). *Linguistics across cultures*. Ann Arbor: The University of Michigan Press.
- Liaw Yock Fang dan Abdullah Hassan. (1994). *Nahu Melayu moden*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa dan Abdul Hamid Mahmood. (1997). *Tatabahasa dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saville-Troike, Muriel. (2006). *Introducing second language acquisition*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Tao, Guo; Lijuan, Zhou and Gann, Rosalind Ragmond. (2008). Studies on contrastive analysis. *International Forum of Teaching & Studies*, 4(1): 62-74.
- Wong Khok Seng. (1990). Objek dalam bahasa Melayu. (Dlm.) *Jurnal Dewan Bahasa*, 7: 545.
- Zainal Abidin Ahmad. (1965). *Pelita bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamarul Shukri Mat Teh
Fakulti Bahasa & Komunikasi
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Terengganu
kamarul@unisza.edu.my